

Kaum wanita harus sedar hak2 mereka

KUALA LUMPUR, Isnin — Usaha-usaha menerusi "kempen kesedaran" harus dilakukan untuk menyedarkan kaum wanita tentang undang-undang yang sedia ada bagi membolehkan mereka memainkan peranan lebih berkesan dalam proses pembangunan masyarakat dan negara.

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz ketika membuat gesaan itu, berkata kempen kesedaran itu perlu

diperluaskan di kalangan mereka yang lebih mungkin untuk ditindas dan didiskriminasikan kerana kekurangan atau kelemahan tertentu.

Menurutnya lagi, langkah-langkah tertentu juga perlu diambil untuk merapatkan jurang pengetahuan kaum wanita terhadap undang-undang.

"Sekiranya lebih ramai kaum wanita yang mengetahui hak-hak serta memahami tanggungjawab mereka, mereka akan dapat berintegrasi dengan berkesan di dalam proses p e m b a n g u n a n

masyarakat dan negara serta melaksanakan berbagai peranan dengan sempurna," ujarnya.

Katanya lagi, peguam-peguam wanita khususnya memainkan peranan penting dalam menyumbangkan pengalaman dan kepakaran mereka bagi meningkatkan tahap kesedaran wanita terhadap undang-undang, di samping berusaha mengadakan kajian dan penelitian.

Berucap merasmikan seminar wanita dan undang-undang anjuran Persatuan Wanita-wanita Universiti di Universiti Malaya di sini, Datin Paduka Rafidah berpendapat adalah perlu ditinjau aspek undang-undang yang merangkumi seluruh kehidupan seharian seseorang wanita iaitu sebagai pengguna, pengelola rumahtangga, isteri dan anggota masyarakat.

Dalam setiap peranan wanita itu, ada aspek-aspek tertentu undang-undang sama ada Undang-undang Sivili atau Hukum Agama yang memberi garis panduan atau menentukan hak, tanggungjawab serta peranan mereka, katanya.

Bagaimanapun kata beliau, ada ketikanya undang-undang atau hukum itu baik dan positif niat serta objektifnya, tetapi pelaksanaannya tidak tepat atau tidak sempurna sehingga penjejasan berlaku ke atas wanita.

Berhubung dengan itu, beliau menegaskan usaha mengadakan undang-undang atau peruntukan undang-undang mesti diiringi dengan tindakan yang positif serta bersepadu untuk mengubah sikap serta prasangka supaya undang-undang itu dapat benar-benar berkesan.

Datin Paduka Rafidah bagaimanapun berkata, undang-undang sahaja tanpa kesedaran kaum wanita sendiri mengemulkannya tidak akan menjamin hak serta kepentingan mereka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia